

# Lelaki mengaku miliki dadah didenda RM3,600

**KUCHING:** Seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki 0.37 gram Methamphetamine dijatuhi hukuman denda RM3,600 atau 10 bulan penjara di Mahkamah Majistret disini, semalam.

Mohamad Ilham Mohd Jaafar, 36, didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali,

jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 3.20 petang pada 27 Januari 2026 di hadapan sebuah runah di Taman Matang Jaya, Jalan Matang di sini.

Berdasarkan keterangan kes, polis semasa Ops Tapis Khas menahan tertuduh kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa pemeriksaan, tertuduh dengan menggunakan tangan kanannya telah menyerahkan sendiri kepada polis sepeket plastik lutsinar kecil mengandungi ketulan-ketu-

lan kristal disyaki dadah jenis syabu dengan anggaran berat kasar 0.54 gram.

Polis kemudian merampas barang tersebut dan menghantarnya ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis.

Laporan kimia bertarikh 12 Mac 2026 seterusnya mengesahkan bahan kes mengandungi 0.37 gram Methamphetamine.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.